



**PENYATA
JAWATANKUASA KEBAJIKAN AHLI
DEWAN NEGERI PERAK**

**MESYUARAT KEDUA TAHUN KETIGA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS**

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	3
Latar belakang	3
Terma Rujukan	4
Mesyuarat Jawatankuasa	4
Syor	5
Appendix.....	6

1. Pendahuluan

- 1.1. Selaras dengan Perintah Tetap 83 (2) berkenaan dengan penyata-penyata daripada Jawatankuasa Pilihan yang mana *“Sesebuah Jawatankuasa Pilihan dibenarkan membuat penyata khas berkenaan dengan kuasa, fungsi dan prosiding Jawatankuasa atas sebarang perkara yang difikirkannya patut dibawa kepada perhatian Dewan Negeri”*.

2. Latar Belakang

- 2.1. Jawatankuasa Kebajikan Ahli merupakan sebuah Jawatankuasa yang baru diwujudkan pada Persidangan Ketiga, Mesyuarat Kedua, Tahun Kelima, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan pada 20 Julai 2022.

- 2.2. Keahlian Jawatankuasa Kebajikan Ahli adalah seperti berikut:

- | | |
|---|-------------------------|
| a. YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid | (Pengerusi) |
| b. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen
(ADN Canning) | (Timbalan
Pengerusi) |
| c. YB Puan Wong May Ing
(ADN Pantai Remis) | Ahli |
| d. YB Encik Rahim bin Ismail
(ADN Changkat Jering) | Ahli |
| e. YB Encik Mohamad Amin bin Roslan
(ADN Pengkalan Hulu) | Ahli |
| f. YB Tuan Syed Lukman Hakim bin Syed Mohd Zin
(ADN Chenderoh) | Ahli |

3. Terma Rujukan Jawatankuasa

- 3.1. Jawatankuasa berperanan untuk mempertimbangkan dan menasihatkan Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan keperluan dan kebajikan ahli.

4. Mesyuarat Jawatankuasa

- 4.1. Setelah ditubuhkan, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 14 Mac 2023. Manakala mesyuarat kedua telah diadakan pada 2 Mei 2023 dan mesyuarat yang ketiga telah diadakan pada 19 Ogos 2025.
- 4.2. Pada mesyuarat pertama jawatankuasa, beberapa perkara telah disentuh oleh ahli Jawatankuasa antaranya berkaitan pusat khidmat, peruntukan Ahli Dewan, pelarasan pencen, kemudahan kesihatan, dan pengecualian cukai kenderaan.
- 4.3. Semasa mesyuarat kedua Jawatankuasa, perbincangan turut memberi fokus perkara-perkara berbangkit semasa mesyuarat pertama Jawatankuasa antaranya berkaitan peruntukan pusat khidmat, pelarasan pencen mantan Ahli Dewan dan pengecualian duti eksais kenderaan. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan-cadangan baharu yang diperbincangkan melibatkan elaun persidangan, elaun baju korporat, kemudahan khidmat jalur lebar pusat khidmat, insurans berkelompok dan komputer riba.
- 4.4. Mesyuarat ketiga Jawatankuasa dilaksanakan untuk membincangkan beberapa pandangan yang mencadangkan supaya dibuat penelitian dan kajian terhadap Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980. Jawatankuasa juga turut menjemput dua (2) orang mantan Ahli Dewan Negeri untuk

berkongsi pandangan dan cadangan sebelum dilaksanakan kajian terhadap enakmen tersebut.

5. Syor Jawatankuasa

- 5.1. Penyata disediakan untuk memberi maklumbalas kepada Dewan Negeri akan gerak kerja yang telah dijalankan. Jawatankuasa juga mengesyorkan untuk menyemak Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980.
- 5.2. Semakan dilaksanakan bertujuan bagi memastikan perbezaan diantara Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980 dan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dapat diselaraskan dan diharmonikan. Jawatankuasa juga akan mengeluarkan pandangan dan syor kepada Dewan Negeri setelah meneliti dan mengkaji enakmen tersebut.

APPENDIX

- i. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bil. 1 2023
- ii. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bil. 2 2023
- iii. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bil. 1 2025

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KEBAJIKAN AHLI
BIL. 1 TAHUN 2023**

Tarikh : 14 Mac 2023 (Selasa)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR :

1. YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen - Timbalan Pengerusi
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
3. YB Puan Wong May Ing
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis
4. YB Encik Ishsam bin Shahrudin
Ahli Dewan Negeri Ayer Kuning
5. YB Encik Rahim bin Ismail
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
6. YB Encik Mohamad Amin bin Roslan
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Hulu
7. YB Tuan Syed Lukman Hakim bin Syed Mohd Zin
Ahli Dewan Negeri Chenderoh
8. Encik Muhammad Nazri bin Abdullah - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri

TURUT HADIR :

9. Encik Amir Fadli bin Mohamed Halmi
Urus Setia Jawatankuasa

10. Encik Afzir bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa
11. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa

1 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1** YB Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir.
- 1.2** YB Pengerusi turut memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kebajikan Ahli merupakan Jawatankuasa Dewan Negeri keempat yang bermesyuarat. Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Enakmen-Enakmen Negeri Perak Darul Ridzuan telah mengadakan mesyuarat pada 2 Mac 2023. Manakala pada 9 Mac 2023 pula, Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap telah mengadakan mesyuarat. Seterusnya Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) yang diadakan pada hari yang sama dengan mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli.
- 1.3** Jawatankuasa Kebajikan Ahli bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menyemak semula peruntukan dan kemudahan yang ada kepada ahli Dewan Negeri sama ada ianya bersesuaian dengan keadaan semasa. Kebajikan ahli tidak hanya pada Ahli Dewan Negeri semasa namun turut meliputi Ahli Dewan Negeri yang telah bersara.

Tindakan : Makluman

2 PERBINCANGAN JAWATANKUASA KEBAJIKAN AHLI

2.1 TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA

- 2.1.1** YB Pengerusi memberi maklum bahawa Jawatankuasa belum mempunyai terma rujukan disebabkan ianya baharu sahaja ditubuhkan sebelum Dewan Negeri dibubarkan pada penggal yang lepas. Maka Ahli Jawatankuasa yang ada sekarang diberi mandat untuk merangka terma rujukan jawatankuasa sebagai panduan gerak kerja jawatankuasa.
- 2.1.2** Ahli Jawatankuasa juga turut dimaklumkan terma rujukan yang telah dimuktamadkan akan dimaklumkan ke Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan seterusnya akan dibawa sebagai Penyata Jawatankuasa ke Dewan Negeri pada persidangan yang akan datang.

Tindakan : Makluman

2.2 PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL KEBAJIKAN AHLI

- 2.2.1 Bagi merangka dan memuktamadkan terma rujukan, satu Jawatankuasa kecil telah ditubuhkan. Jawatankuasa kecil ini dipengerusikan oleh Timbalan Yang di-Pertua, manakala ahlinya terdiri daripada Ahli Dewan Negeri Pantai Remis, Ahli Dewan Negeri Ayer Kuning dan Ahli Dewan Negeri Changkat Jering.

Tindakan : Ahli Jawatankuasa Kecil

2.3 PUSAT KHIDMAT AHLI DEWAN NEGERI

- 2.3.1 YB Pengerusi turut membangkitkan aduan orang ramai berkaitan lokasi atau kedudukan pusat khidmat yang tidak strategik dan kurang mesra pengguna.
- 2.3.2 Tuan Setiausaha memberi pandangan terdapat sebahagian kuarters kerajaan yang tidak dihuni serta terletak di lokasi yang strategik dan boleh disewa pada kadar yang nominal dari pihak kerajaan.

Tindakan : Makluman

3 HALA TUJU JAWATANKUASA

3.1 PERUNTUKAN KEPADA AHLI DEWAN

- 3.1.1 YB Pengkalan Hulu mencadangkan supaya menyemak dan menambah baik hala tuju sedia ada.
- 3.1.2 YB Pengerusi memberi maklum bahawa jawatankuasa belum mempunyai hala tuju memandangkan ianya baru sahaja ditubuhkan. Penerangan dari pihak UPEN penting bagi memberi penjelasan berkaitan peruntukan yang diterima oleh setiap Ahli Dewan Negeri.

Tindakan : Makluman

3.2 PELARASAN PENCEN AHLI DEWAN NEGERI

- 3.2.1 YB Pantai Remis memohon penjelasan berkaitan pelarasan pencen yang diterima bagi mantan Ahli Dewan Negeri memandangkan nilai pencen yang diterima ketika dahulu tidak sama dengan masa sekarang.

- 3.2.2 Tuan Setiausaha memberi maklum bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah meminda Akta 237 berkenaan saraan Ahli Parlimen yang membolehkan pelarasan semula pencen berdasarkan gaji terakhir Ahli Parlimen pada tahun 2015. Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri akan dirujuk bagi membolehkan enakmen berkenaan saraan ahli Dewan Negeri dipinda supaya pelarasan semula pencen dapat dibuat.
- 3.2.3 Ahli jawatankuasa juga turut dimaklumkan pencen bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan Ahli Dewan Negeri ditanggung oleh Kerajaan Negeri manakala bagi Kakitangan Kerajaan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Tindakan : Makluman

3.3 KEMUDAHAN KESIHATAN

- 3.3.1 YB Changkat Jering memohon penjelasan kemudahan yang ditawarkan kepada Ahli Dewan Negeri iaitu berkaitan rawatan pergigian dan juga insurans.
- 3.3.2 Ahli jawatankuasa diberi maklum bahawa tiada peruntukan yang disediakan bagi kemudahan rawatan pergigian dan juga insurans kepada Ahli Dewan Negeri.

Tindakan : Makluman

3.4 PERANAN JAWATANKUASA

- 3.4.1 YB Pengerusi memberi maklum bahawa Jawatankuasa boleh membincangkan segala perkara yang melibatkan kemudahan dan peruntukan kepada Ahli Dewan Negeri. Setelah itu jawatankuasa perlu membentangkan laporannya dalam bentuk penyata ke Dewan Negeri.

Tindakan : Makluman

3.5 SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL TABARRUK

- 3.5.1 YB Chenderoh memohon penjelasan berkenaan proses permohonan bantuan khairat kematian memandangkan ramai yang datang berjumpa wakil rakyat untuk memohon bantuan tersebut.

- 3.5.2 Ahli jawatankuasa diberi maklum permohonan skim bantuan tabarruk diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Bantuan tunai akan terus dimasukkan ke akaun bank pemohon.

Tindakan : Makluman

3.6 KEMUDAHAN PARKIR DI BANGUNAN SUK

- 3.6.1 YB Pantai Remis menyuarakan masalah ketiadaan kemudahan parkir bagi ahli Dewan Negeri yang berurusan di bangunan SUK. Masalah ini juga turut berlaku semasa hari persidangan Dewan Negeri.
- 3.6.2 Tuan Setiausaha telah mengambil maklum akan permasalahan tersebut dan telah mengajukan isu tersebut ke Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP). Pihak BKP memberi maklum bahawa Pejabat Pendakwa Raya (DPP) dalam proses untuk keluar dari Bangunan SUK. 6 ruang parkir khas akan diperuntukkan kepada Ahli Dewan Negeri setelah pihak DPP keluar dan parkir tersebut akan dikawal selia oleh Bahagian Dewan Negeri.

Tindakan : Makluman

3.7 PERANTI TELEKOMUNIKASI KEPADA AHLI DEWAN NEGERI

- 3.7.1 YB Pengerusi mencadangkan supaya setiap Ahli Dewan Negeri dibekalkan dengan peranti komunikasi seiring dengan pendekatan urusan kerajaan ke arah pendigitalan.
- 3.7.2 Tuan Setiausaha turut memaklumkan bahawa telah menghantar permohonan ke Pejabat Menteri Besar untuk pembekalan peranti telekomunikasi bagi kegunaan setiap ahli Dewan Negeri.

Tindakan : Makluman

3.8 PENGECUALIAN CUKAI KENDERAAN JENIS TRAK PIKAP


- 3.8.1 YB Pantai Remis mencadangkan supaya kenderaan jenis trak pikap turut dimasukkan dalam senarai kenderaan yang diberi pengecualian cukai kepada ahli Dewan Negeri.
- 3.8.2 YB Pengerusi mencadangkan supaya menghantar surat permohonan pengecualian cukai bagi kenderaan jenis trak pikap ke Kementerian Kewangan.

Tindakan : Urus setia

4 PENUTUP

- 4.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang.


Disediakan oleh :



AFZIR BIN MUHAMAD WAZER
Urus Setia
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : ~~27~~ Mac 2023

Disemak oleh :



MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : ~~27~~ Mac 2023

Disahkan oleh :



YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO ABDUL KHALID
Pengerusi
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 30 MAC 2023

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KEBAJIKAN AHLI
BIL. 2 TAHUN 2023**

Tarikh : 2 Mei 2023 (Selasa)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR :

1. YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen - Timbalan Pengerusi
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
3. YB Puan Wong May Ing
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis
4. YB Encik Ishsam bin Shahrudin
Ahli Dewan Negeri Ayer Kuning
5. YB Encik Rahim bin Ismail
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
6. YB Encik Mohamad Amin bin Roslan
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Hulu
7. YB Tuan Syed Lukman Hakim bin Syed Mohd Zin
Ahli Dewan Negeri Chenderoh
8. Encik Muhammad Nazri bin Abdullah - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri

TURUT HADIR :

9. Encik Amir Fadli bin Mohamed Halmi
Urus Setia Jawatankuasa

10. Encik Afzir bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa
11. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa

1 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli jawatankuasa.

Tindakan : Makluman

2 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT.

- 2.1 Minit mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bil.1 Tahun 2023 disahkan tanpa pindaan.

Tindakan : Makluman

3 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pusat Khidmat Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri

- 3.1.1 YB Pengerusi memberi pandangan bahawa Jawatankuasa Kebajikan Ahli boleh melihat cadangan YB Ahli Dewan Negeri berkaitan keperluan-keperluan pusat khidmat bagi sesuatu kawasan. Keperluan pusat khidmat bagi sesuatu kawasan adalah berbeza di antara satu sama lain.

- 3.1.2 YB Pantai Remis memberi maklum bahawa pusat khidmat di kawasan beliau mempunyai dua cawangan disebabkan kawasannya yang besar dan kedudukannya yang jauh diantara Pantai Remis dengan Ayer Tawar.

Tindakan : Makluman

- 3.1.3 YB Pengkalan Hulu mencadangkan untuk menaikkan peruntukan kepada semua YB Ahli Dewan Negeri bagi menampung kos sewaan bangunan dan elaun pekerja.

- 3.1.4 YB Pengerusi memberi pandangan kepada YB Ahli Dewan Negeri yang akan berbahas pada Persidangan yang akan datang supaya membangkitkan cadangan tersebut.

Tindakan : Makluman

- 3.1.5 YB Pengkalan Hulu turut memberi maklum bahawa selepas PKP, pusat khidmat beliau menerima kedatangan pelawat seramai 40 orang dalam tempoh seminggu. Kebanyakan mereka menyuarakan masalah berkenaan kehilangan sumber pendapatan.
- 3.1.6 YB Pengerusi menyarankan agar setiap pusat khidmat dapat memperuntukkan sedikit barangan keperluan harian di pusat khidmat untuk diberikan kepada pelawat yang mengadu masalah kewangan bagi mengurangkan beban yang mereka tanggung.

Tindakan : Makluman

3.2 Penyelarasan Pencen YB Ahli Dewan Negeri

- 3.2.1 YB Pengerusi turut membangkitkan terdapat sebilangan mantan Ahli Dewan Negeri yang hidup di bawah paras garis kemiskinan (PGK) disebabkan pencen yang diterima oleh mereka amatlah sedikit.
- 3.2.2 Setiausaha memberi maklum bahawa kerajaan negeri dalam proses melaksanakan penanda aras dengan Kerajaan Persekutuan sebagaimana Kerajaan Persekutuan meminda Akta 237 berkenaan saraan Ahli Parlimen bagi memberikan pelarasan pencen mengikut gaji tertinggi pada tahun 2015.
- 3.2.3 Setiausaha juga turut memberi maklum bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyarankan kerajaan negeri membuat kajian dan seterusnya meminda Enakmen Saraan Ahli Dewan Negeri supaya bayaran pencen mantan Ahli Dewan Negeri dapat dibuat sama seperti bayaran pencen Ahli Parlimen.

Tindakan : Setiausaha

3.3 Kemudahan Parkir YB Ahli Dewan Negeri di Bangunan SUK

- 3.3.1 Setiausaha memaklumkan surat permohonan akan dihantar ke Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) untuk menyediakan sekurang-kurangnya lima lot parkir kepada YB Ahli Dewan Negeri.
- 3.3.2 YB Ahli Dewan Negeri disaran untuk menggunakan kenderaan yang mempunyai crest rasmi Ahli Dewan Negeri bagi memudahkan polis bantuan mengenal pasti kenderaan YB Ahli Dewan Negeri.

Tindakan : Urus setia

3.4 Skim Perlindungan Takaful

- 3.4.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan supaya semua YB Ahli Dewan Negeri diberikan perlindungan insurans secara berkelompok.
- 3.4.2 Setiausaha turut memberi maklum bahawa Kerajaan Negeri telah mempunyai hasrat ke arah tersebut dan akan memulakan fasa pertama di mana Kerajaan Negeri akan menginsuranskan kenderaan yang digunakan oleh YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Tindakan : Makluman

3.5 Peranti Komunikasi Kepada Ahli Dewan Negeri

- 3.5.1 YB Pengerusi membangkitkan pertanyaan status permohonan kepada YAB Menteri Besar berkenaan peruntukan peranti telekomunikasi untuk kegunaan semua YB Ahli Dewan Negeri.
- 3.5.2 Setiausaha memberi maklum bahawa telah membuat susulan dengan pegawai-pegawai YAB Menteri Besar.
- 3.5.3 YB Pengerusi memberi pandangan supaya YB Ahli Dewan Negeri dibekalkan komputer riba setiap seorang berbanding daripada diberikan sejumlah peruntukan wang untuk membeli peranti tersebut. Ianya bagi mengelakkan timbul masalah di kemudian hari sekiranya peranti yang dibeli sendiri tidak serasi dengan dokumen yang dibekalkan oleh pihak urus setia.
- 3.5.4 YB Pantai Remis mencadangkan supaya komputer riba yang dibekalkan mempunyai kamera terbina dalaman supaya memudahkan ahli-ahli untuk mengikuti mesyuarat secara dalam talian.

Tindakan : Urus setia

3.6 Maklum balas Jawatankuasa Kecil Kebajikan Ahli

- 3.6.1 YB Timbalan Pengerusi mencadangkan supaya dibuat pindaan terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebajikan Ahli di para 2.7.1. Beliau mencadangkan pengecualian Permit Import (AP) bagi kenderaan pacuan empat roda ditukar kepada pengecualian Duti Eksais bagi kenderaan pacuan empat roda.

Tindakan : Urus setia

- 3.6.2 Jawatankuasa juga turut diberi maklum bahawa pihak Kementerian Kewangan memberi pengecualian duti eksais kepada kenderaan trak pikap bagi pemasangan tempatan (CKD) sahaja. Ahli Dewan Negeri perlu memohon sendiri bagi mendapatkan pengecualian duti eksais.

Tindakan : Makluman

- 3.6.3 YB Pengerusi membangkitkan persoalan berkenaan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Kebajikan Ahli seperti di para 5, minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebajikan Ahli. Selain itu, YB Pengerusi juga turut bertanya berkenaan skop perbincangan jawatankuasa terhadap mantan Ahli Dewan Negeri.
- 3.6.4 YB Pengerusi diberi maklum bahawa Jawatankuasa Kebajikan Ahli merupakan jawatankuasa penggalan yang mana tugas dan tanggungjawab jawatankuasa telah dinyatakan di dalam Perintah-Perintah Tetap. Di dalam Perintah Tetap 77 menyatakan bahawa jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mempertimbang dan menasihati Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan keperluan dan kebajikan ahli.

Tindakan : Makluman

- 3.6.5 Walau bagaimanapun, Ahli Dewan Negeri boleh membawa usul supaya perkara kebajikan mantan Ahli Dewan Negeri dibincangkan di dalam jawatankuasa.
- 3.6.6 YB Pengerusi mencadangkan ahli jawatankuasa untuk membawa usul semasa persidangan akan datang supaya perkara berkaitan kebajikan mantan Ahli Dewan Negeri dirujuk ke jawatankuasa agar dapat dibincangkan.

Tindakan : Ahli Jawatankuasa

- 3.6.7 YB Timbalan Pengerusi memberi maklum bahawa beberapa perkara telah dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebajikan Ahli untuk mendapat pertimbangan Jawatankuasa induk seperti berikut:

Bil.	Perkara	Cadangan
1.	Elaun Persidangan	Dinaikkan dari RM150/hari ke RM300/hari
2.	Elaun Baju Korporat	2 helai setahun
3.	Elaun Sut Urusan / Lounge Suit	1 pasang setahun
4.	Perkhidmatan Jalur Lebar di Pusat Khidmat	Tuntutan pembayaran langganan bagi setiap Pusat Khidmat yang berdaftar sahaja
5.	Insurans Berkelompok	Insurans Berkelompok Khas untuk semua Ahli Dewan Negeri
6.	Komputer Riba	Pemberian Komputer Riba kepada semua Ahli Dewan

- 3.6.8 Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan yang telah dibangkitkan dan mencadangkan supaya perkara berikut diangkat untuk mendapat pertimbangan pihak MMK.

Tindakan : Urus setia

- 3.6.9 YB Pengerusi mencadangkan supaya urus setia dapat mendrafkan bidang kuasa jawatankuasa sebagai garis panduan untuk jawatankuasa melaksanakan pekerjaannya.

Tindakan : Urus setia

4 HAL-HAL LAIN


- 4.1 YB Timbalan Pengerusi menyuarakan masalah berkenaan kemudahan tuntutan bayaran balik tambang kereta api kepada Ahli Dewan Negeri. Tuntutan tidak dapat dibuat disebabkan tiada nama pada tiket yang dibeli oleh pegawai khas beliau.

Tindakan : Urus setia

5 PENUTUP

- 5.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.20 tengah hari.

Disediakan oleh :



AFZIR BIN MUHAMAD WAZER
Urus Setia
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 6 . 6 . 2023

Disemak oleh :



MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 6/6/2023

Disahkan oleh :



YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO ABDUL KHALID
Pengerusi
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 9/6/2023

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KEBAJIKAN AHLI
BIL. 1 TAHUN 2025**

Tarikh : 19 Ogos 2025 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

HADIR :

1. YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen - Timbalan Pengerusi
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
3. YB Puan Wong May Ing
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis
4. YB Encik Rahim bin Ismail
Ahli Dewan Negeri Changkat Jering
5. YB Encik Mohamad Amin bin Roslan
Ahli Dewan Negeri Pengkalan Hulu
6. YB Tuan Syed Lukman Hakim bin Syed Mohd Zin
Ahli Dewan Negeri Chenderoh
7. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha
Setiausaha Dewan Negeri

TURUT HADIR :

8. Encik Sufi Aiman bin Azmi
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
9. Encik Muhammad Nazri bin Abdullah
Pegawai Daerah Kuala Kangsar

10. YBhg. Dato' Ramly bin Zahari
Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK)
11. YBhg. Dato' Nasaruddin bin Hashim
Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK)
12. Puan Suhaizah binti Yusop
Urus Setia Jawatankuasa
13. Encik Afzir bin Muhamad Wazer
Urus Setia Jawatankuasa
14. Puan Nadia binti Zulkifli
Urus Setia Jawatankuasa

1 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Jawatankuasa serta tetamu jemputan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bilangan 1 tahun 2025.
- 1.2 YB Dato' Pengerusi turut memberi maklum bahawa prosiding Jawatankuasa mempunyai imuniti yang sama sebagaimana prosiding di dalam Dewan Negeri.
- 1.3 Selain itu, YB Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa tugas jawatankuasa adalah untuk mempertimbangkan hal ehwal berkaitan kebajikan Ahli Dewan termasuk juga mantan Ahli Dewan.
- 1.4 Tujuan diadakan mesyuarat adalah bagi membincangkan isu-isu yang timbul terutama sekali berkaitan perbezaan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980 dengan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Perbezaan ini menyebabkan kesukaran kepada pihak pentadbiran untuk menentukan pelarasan kepada Ahli Dewan Negeri yang bersara.
- 1.5 Ahli mesyuarat turut dimaklumkan bahawa sekiranya terdapat Rang Undang-Undang yang sama di peringkat negeri dan persekutuan, Rang Undang-Undang tersebut sebaik mungkin perlulah diharmonikan supaya memudahkan pelaksanaannya.

MAKLUMAN

2 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT.

- 2.1 Minit mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ahli Bil.2 Tahun 2023 telah dicadangkan pindaan pada perenggan 3.6.1 dengan menggantikan perkataan YB Timbalan Pengerusi kepada YB Pantai Remis. Minit mesyuarat yang dicadangkan untuk pindaan telah disahkan oleh YB Pantai Remis dan disokong oleh YB Pengkalan Hulu.

MAKLUMAN

3 KEMASKINI BERKAITAN USUL CADANGAN SEMAKAN ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN DEWAN NEGERI (SARAAN) 1980

- 3.1 Wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak menyarankan untuk melihat kepada perkara tafsiran terlebih dahulu. Berdasarkan tafsiran di dalam Enakmen, "Ahli" ertinya Anggota Pentadbiran, Ahli Dewan Negeri dan Yang di-Pertua Dewan Negeri. Beliau mencadangkan agar dimasukkan Timbalan Yang di-Pertua di dalam tafsiran tersebut.
- 3.2 Setiausaha turut memberi maklum bahawa antara isu-isu yang timbul adalah berkaitan pelarasan pencen dan pencen terbitan. Sehubungan itu beliau mencadangkan perkara-perkara tersebut dibincangkan dengan lebih teliti melalui bengkel yang akan dilaksanakan.
- 3.3 YB Dato' Pengerusi mencadangkan untuk dibawa satu usul pada persidangan akan datang. Usul tersebut sebagai mandat daripada Dewan Negeri kepada Jawatankuasa untuk mengkaji Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980 dan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan memberi cadangan kepada Dewan Negeri agar perbezaan di antara kedua-dua Rang Undang-Undang ini dapat diharmonikan.
- 3.4 YBhg. Dato' Ramly menyatakan bahawa terdapat perbezaan bayaran pencen yang diterimanya berbanding dengan rakan-rakannya yang lain. Beliau memaklumkan tidak menerima bayaran pencen bagi tahun 2008 dan 2013. Oleh yang demikian, beliau berpandangan inisiatif yang diambil oleh jawatankuasa ini dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit merupakan satu usaha yang baik.
- 3.5 YBhg. Dato Nasaruddin menekankan bahawa dalam menggubal undang-undang, tafsiran merupakan perkara terpenting kerana sekiranya tafsiran tidak jelas, isu-isu berkaitan susah untuk diselesaikan. Mengharmonikan perbezaan Rang Undang-Undang antara Negeri dan Persekutuan akan memudahkan urusan pentadbiran.
- 3.6 YB Pengkalan Hulu menyatakan persetujuan dengan usaha yang diambil Jawatankuasa untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit bagi menjaga kebajikan Ahli Dewan Negeri dan mantan Ahli Dewan Negeri.
- 3.7 YB Changkat Jering turut bersetuju dengan pandangan-pandangan yang telah diberikan bagi menjaga kebajikan mantan Ahli Dewan Negeri dan juga balu mantan Ahli Dewan Negeri.

MAKLUMAN

- 3.8 Mesyuarat mengambil maklum bahawa tertakluk kepada kesesuaian, satu usul akan dibawa oleh Ahli Jawatankuasa bagi mendapat mandat dari Dewan Negeri untuk menjalankan kajian dan seterusnya mengemukakan cadangan pengemaskinian Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980. Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa gerak kerja awal jawatankuasa boleh dilaksanakan meskipun usul yang tertakluk kepada kesesuaian hanya akan dibawa pada persidangan akan datang

MAKLUMAN

4 HAL-HAL LAIN

- 4.1 YB Pantai Remis mencadangkan untuk menaikkan had pinjaman kenderaan yang kini pada kadar RM100,000.00 memandangkan harga bagi sebuah kenderaan pacuan empat roda adalah melebihi daripada harga tersebut.

MAKLUMAN

- 4.2 YB Chenderoh memberi maklum bahawa kemudahan pinjaman perumahan kepada Ahli Dewan Negeri adalah sebanyak RM400,000.00. Namun begitu, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) hanya meluluskan pembiayaan kepadanya sebanyak RM250,000.00 sahaja.
- 4.3 Selain itu, beliau turut membangkitkan berkaitan kemudahan kesihatan kepada Ahli Dewan Negeri. Beliau berharap Jabatan Kesihatan dapat memberikan kelonggaran terutamanya dari segi giliran dan masa temujanji.
- 4.4 YB Chenderoh turut mencadangkan lencana kenderaan rasmi Ahli Dewan Negeri diletakkan nama kawasan bagi memudahkan anggota penguatkuasa mengenalpasti kenderaan Ahli Dewan Negeri.

MAKLUMAN

- 4.5 YB Pengkalan Hulu mencadangkan supaya peruntukan kepada pusat khidmat dinaikkan kerana peruntukan sedia ada tidak dapat menampung keperluan membuka cawangan pusat khidmat kedua.
- 4.6 Beliau juga turut mencadangkan supaya untuk mengkaji semula Elaun Tetap Pemandu Kereta kerana peruntukan sedia ada tidak cukup untuk membayar pemandu sepenuh masa. Selain itu, beliau juga mencadangkan untuk mengembalikan semula kemudahan kad kereta api.

- 4.7 YB Dato' Pengerusi mencadangkan supaya dijemput sekali wakil Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada mesyuarat akan datang bagi membincangkan isu-isu yang timbul berkaitan dengan KTMB.

TINDAKAN: URUS SETIA

- 4.8 YB Changkat Jering berpandangan bahawa peruntukan kepada pusat khidmat masih tidak mencukupi terutama sekali dalam membantu orang ramai yang terkesan akibat daripada bencana alam dan rumah yang terbakar. Selain itu, beliau turut mencadangkan pemberian kuota haji kepada Ahli Dewan Negeri.

MAKLUMAN

- 4.9 YB Dato Pengerusi mencadangkan untuk mengadakan ziarah kepada mantan Ahli Dewan Negeri tanpa mengira latar belakang parti politik. Program ziarah boleh dilaksanakan bersekali dengan program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak.

TINDAKAN: URUS SETIA

- 4.10 Wakil pejabat Penasihat Undang-Undang memberi maklum bahawa adalah penting untuk diselaraskan balik perbezaan diantara Enakmen dan Akta bagi memudahkan Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk mengeluarkan pandangan. Selain itu, pandangan dari Jabatan Peguam Negara juga akan berselari dengan keputusan Kerajaan Negeri.

TINDAKAN: URUS SETIA

5 PENUTUP

- 5.1 YB Dato' Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.

Disediakan oleh :



AFZIR BIN MUHAMAD WAZER
Urus Setia
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 28 Ogos 2025

Disemak oleh :



MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 28 Ogos 2025

Disahkan oleh :



YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO ABDUL KHALID
Pengerusi
Jawatankuasa Kebajikan Ahli
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 29 Ogos 2025

